

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

ETR 300


**BABIES DREAMS CENTRE
MENJUAL BARANGAN KEPERLUAN BAYI**

DISEDIAKAN OLEH

ZUHAILAH JALANI	94538207
SUZILA SULAIMAN	95696052
SALWA ABDUL PATAH	95748199
NOORIAH SHARIFF KASSIM	95562398
TUAN HASLINDA TUAN ZAKARIA	95707376

DPA 5B

**KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
SESSI MEI - OKTORBER 1997**



CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

11hb. Jun 1997
100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Zuhailah Jalani	94538207
2.	Suzila Sulaiman	95696052
3.	Tuan Haslinda Tuan Zakaria	95707376
4.	Salwa Abdul Patah	95748199
5.	Noriah Shariff Kassim	95562398

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZAL HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

KANDUNGAN

	M/S	m/s
Surat Penyerahan		i-ii
Sekapur Sireh		iii
Penghargaan		iv-v
Kandungan		vi-vii
Logo		
Keterangan Lingo		viii
Surat Perjanjian Perkongsian		ix-xiii
1.0 Pengenalan		1-2
2.0 Tujuan		3
3.0 Latar Belakang Syarikat		4-5
4.0 Latar Belakang Ahli-Ahli Kongsi		6-10
5.0 Latar Belakang Projek Cadangan		11-13
6.0 Rancangan Pentadbiran		
6.1 Matlamat dan Strategi Organisasi		14-16
6.2 Struktur Organisasi		17
6.3 Senarai Kakitangan Pengurusan		18-19
6.4 Senarai Butir-Butir Lengkap Jawatan Yang Diperlukan		20
6.5 Imbuhan Balas Jasa dan Insentif Pekerja		21-22
6.6.1 Perancangan Keperluan Pejabat		23
6.6.2 Perancangan Susunatur Pejabat		24-25
6.7 Belanjawan Pentadbiran		26
7.0 Rancangan Pemasaran		
7.1 Analisis Pasaran		27-38
7.2 Ramalan Jualan		39-41
7.3 Rancangan Pemasaran		42-46
7.4 Belanja Pemasaran		47
8.0 Rancangan Operasi		
8.1 Pengenalan		48-50

PENGENALAN

Syarikat Babies Dreams Centre adalah merupakan sebuah perniagaan yang berorientasikan empat produk bagi yang utama iaitu pakaian bayi, toiletris, barang penyusuan (aksesori) dan diaper. Syarikat ini ditubuhkan bagi memenuhi permintaan terhadap barangan keperluan bayi.

Perniagaan kami akan dibuka pada 1 Januari, 2005 di No. 52, Ground floor, Kotamas Shopping Centre, Lebuhraya Ayer Keroh, 75450 Ayer Keroh, Melaka. Minat kami yang mendalam terhadap produk penjagaan bayi telah mendorong kami untuk membuka perniagaan barangan bayi. Kami melihat potensi perniagaan ini untuk berkembang maju pada masa hadapan adalah sangat cerah, lebih-lebih lagi dengan kadar peningkatan dalam kelahiran bayi yang memberansangkan sejak akhir-akhir ini.

Babies Dreams Centre akan beroperasi di sebuah lokasi yang strategik memandangkan ianya berhampiran dengan bandar Melaka dan kawasan perumahan. Selain daripada itu, ia juga merupakan kawasan yang menjadi pusat tumpuan pelancong memandangkan ianya berdekatan dengan pusat perlancongan Ayer Keroh.

Peruntukan perniagaan secara perkongsian ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut :-

1. Untuk memenuhi permintaan masyarakat pada masa kini dan akan datang dalam keperluan produk penjagaan bayi.
2. Demi menyahut seruan kerajaan berkenaan dengan penglibatan bumiputra di dalam sektor perniagaan.

3. Perniagaan ini berpotensi untuk berkembang dengan meluas memandangkan tiada pesaing yang menubuhkan kedai khusus menjual barangan bayi di pusat membeli-belah ini.